

## Ambil langkah segera bendung kes keganasan rumah tangga

**M**UTAKHIR ini hampir setiap hari kita didehadkan dengan pelbagai kes keganasan rumah tangga yang melanda rakyat kita baik yang baru berkahwin mahupun yang sudah lama berumah tangga.

Lebih mendukacitakan apabila kebanyakan kes yang didedahkan dan dilaporkan membabitkan pasangan Islam yang sepatutnya menjadi contoh teladan kepada pasangan bukan Islam dalam menguruskan rumah tangga masing-masing.

Kebiasaannya mangsanya ialah isteri atau bekas isteri, suami atau bekas suami, anak-anak, ibu bapa dan ahli keluarga yang tinggal seru-

mah manakala kategori keganasan yang terbabit pula ialah penderaan berbentuk fizikal, mental, emosi, seksual dan spiritual.

Beberapa kes yang dilaporkan boleh dikategorikan tenat, merisaukan, menyayat hati dan kejam dilakukan oleh suami ke atas isteri.

Dalam satu lagi kes seorang isteri mengadu 10 tahun dilayan macam anjing oleh suaminya di mana sepanjang tempoh berumah tangga beliau dipukul, disepak dan dipijak oleh suaminya hanya gara-gara kerana perselisihan faham.

Ini adalah antara beberapa kes terbaru yang disiarkan oleh akhbar tempatan yang

sekali gus menambahkan lagi statistik konflik dan keganasan rumah tangga di negara kita.

Keadaan ini akhirnya menyumbang kepada peningkatan kes perceraian di negara kita terutama di kalangan masyarakat Islam. Persoalannya, kenapa kes seumpama ini masih berterusan dan sukar untuk dikawal? Di mana hilangnya rasa kasih dan sayang seorang suami kepada isteri? Bukanlah isteri atau anak patut dibelai dan dijaga?

Jika keadaan ini dibiarkan berterusan kita khawatir institusi kekeluargaan di negara kita akan terjejas dan menuju kehancuran. Justeru

malapetaka ini perlu dihentikan dengan segera.

Hal ini penting kerana kejadian ini meninggalkan banyak kesan negatif kerana kesannya bukan saja kepada diri pasangan suami isteri terbabit yang akan berpisah tetapi anak turut menjadi mangsa keadaan.

Semua pihak baik agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga masyarakat perlu berganding bahu mencari jalan penyelesaian yang mutlak demi mengatasi malapetaka ini dari terus berpanjangan.

**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED,**  
*UPM Serdang, Selangor.*